

RUMAH POTONG BELANDA NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM

AIDA HAIRANI BT. YAHYA

90105505

TESIS INI DIKEMUKAKAN KEPADA KAJIAN SENI LUKIS DAN SENI REKA, INSTITUT TEKNOLOGI MARA SHAH ALAM SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN DIPLOMA SENI LUKIS DAN SENI REKA.

1. Diperiksa oleh : ..... Tarikh: 12/4/98 .....
2. Diperiksa oleh : ..... Tarikh: .....
- Diluluskan oleh: ..... Tarikh: .....

Dekan

Kajian Seni Lukis Dan Seni Reka

Institut Teknologi Mara

40450 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan.

## PENGHARGAAN

Saya amat berbesar hati untuk mengalungkan setinggi - tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah begitu banyak menyumbangkan usaha, idea dan maklumat dalam membantu melengkapkan dan menjayakan tesis saya ini.

Lantaran itu, di atas kerjasama yang baik yang telah diberikan, jutaan terima kasih diucapkan kepada:-

- a) Arkib Negara, Kuala Lumpur
- b) Kakitangan Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur
- c) Puan Jahani Bt. Ali  
Pensyarah Jabatan Pengajian Liberal  
Kajian Seni Lukis dan Seni Reka
- d) Puan Zaleha Bt. Sha'ari  
Ketua Jabatan Tekstil  
Kajian Seni Lukis dan Seni Reka
- e) Cik Habibah Bt. Ismail  
Pegawai Arkib Negara.
- f) Puan Nor Azizah Bt. Daud  
Pegawai Arkib Negara.
- g) Encik Mohd. Yusuff B. Mohd. Arifin  
Pembantu Arkib Negara.
- h) Puan Maheran Bt. Omar  
Pembantu Arkib Negara.

## **SINOPSIS**

Tempat tinggal adalah merupakan tempat perlindungan utama manusia semenjak ia wujud dan telah berkembang mengikut zaman serta alam sekelilingnya. Begitulah juga adalah masyarakat melayu tempat tinggal telah berkembang melalui tahap-tahap pencapaiannya dalam kehidupan. Maka kewujudan senibina timbul bersama-sama kewujudan tempat tinggal. Senibina adalah satu cabang kebudayaan yang menunjukkan lambang identiti sesuatu bangsa, masyarakat dan negara.

Konsep Kebudayaan Kebangsaan Malaysia berteraskan kebudayaan rakyat rantau ini, menerima unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar dan unsur penting dalam pembentukan kebudayaan. Pembaharuan tidaklah boleh dilakukan dengan sewenang-sewenangnya.

Kongres Kebudayaan Kebangsaan (1971) merumuskan senibina Malaysia berteraskan keaslian khasnya senibina rumah-rumah dan telah mencapai mutu yang tinggi mengandungi unsur-unsur halus yang tertentu dan telah terpengaruh dengan idea asing.

## KANDUNGAN

Muka Surat

Halaman Pemeriksa	i
Penghargaan	ii
Sinopsis	iv
Kandungan	viii
Senarai Rajah	xii
Senarai Sisipan	xiii

## BAB 1

1.0 Senibina Timur	1
1.1 Pengenalan Rantau Asia Dan Semenanjung Malaysia	1
1.1.1 Pengenalan Kepada Senibina Asia	4
1.1.2 Senibina Di Malaysia	5
1.2 Pengaruh Senibina Asing Yang Terdapat Di Dalam Senibina Melayu.	9
1.2.1 Senibina China	10
1.2.2 Senibina Penjajahan Barat	11
1.2.3 Senibina India Islam	16
1.3 Senibina Rumah Melayu Tradisional	18
1.3.1 Definasi Konsep Dan Fungsi Rumah	18
1.3.2 Definasi Tradisi	20
1.3.3 Pengenalan Rumah Tradisional	20

## 1.0 Senibina Timur

### 1.1 Pengenalan Rantau Asia Dan Semenanjung Malaysia

Rantau Asia merangkumi hampir satu pertiga daripada permukaan bumi. Ini mengikut tafsiran ahli geografi. Kemungkinan tafsiran kawasan Asia sebagai sebuah Semenanjung itu tidak begitu tepat. Sepatutnya mereka memecahkan rantau itu kepada beberapa pecahan iaitu daripada segi kedudukan, kebudayaan, bahasa dan keturunan. Kepercayaan agama, ideologi dan sistem pemerintahan juga berbeza. Terdapat perbezaan yang besar di antara Negara China dan dunia Arab atau India dan Asia Tenggara.

Memandangkan kepada sebab-sebab di atas, maka adalah lebih sesuai jikalau Benua Asia yang begitu luas terbentang dari Banjaran Ural ke Jepun, dan dari Terusan Suez ke kepulauan Sunda itu, Rantau Asia kita bahagikan kepada tujuh bahagian